

Headline	Sistem Pengurusan Pemadam Api Aito Firework		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 May 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Kosmo 2	Page No	25,26
ArticleSize	1946 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 152,087		

**INFINITI**  
INOVASI • SAINS • GAJET

Kosmo! • RABU 8 MEI 2019

Ikuti kami di Kosmo Online

AITO Firework membangunkan Sistem Pengurusan Alat Pemadam Api (FEMS) untuk memudahkan pemilik bangunan atau penyelia membuat penyelenggaraan alat pemadam api mengikut tarikh yang ditetapkan.

**Sistem Pengurusan Pemadam Api Aito Firework**

Headline	Sistem Pengurusan Pemadam Api Aito Firework		
MediaTitle	Kosmo		
Date	08 May 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Kosmo 2	Page No	25,26
ArticleSize	1946 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 152,087		

26 **INFINITI**  
INOVASI • SAINS • GAJET

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM  
Foto ABD. RAZAK AID

# Selenggara alat pemadam api dengan sistematis

ALAT pemadam api perlu diselenggara setiap tahun bagi memastikan ia berfungsi dengan baik pada waktu kecemasan.



KOSMO! RABU 8 MEI 2019

**P**ENCEGAHAN kebakaran sangat penting bagi mengelakkan kemalangan jiwa dan kerosakan harta benda. Jangan disangka api yang kecil tidak membawa bencana lebih besar jika tidak dipadam pada peringkat awal.

Oleh itu, alat pemadam kebakaran sangat penting dan perlu disediakan di setiap bangunan, rumah, premis dan kenderaan sebelum menunggu bantuan bomba.

Begitupun, pengguna juga hendaklah membuat penyelenggaraan alat pemadam api setiap tahun bagi memastikan ia berfungsi dengan baik ketika hendak digunakan pada waktu kecemasan.

Justeru, Aito Firework Holding Sdn. Bhd. (Aito Firework) membangunkan Sistem Pengurusan Alat Pemadam Api (FEMS) untuk memudahkan pemilik bangunan atau penyalah membuat penyelenggaraan alat tersebut mengikut tarikh yang ditetapkan.

Menurut Pengarah Aito Firework Aswan Khamis @ Maharan, pembangunan sistem tersebut sangat penting bagi memberi peringatan kepada penyalah bangunan apabila tarikh penyelenggaraan atau tarikh luput tong tersebut telah tiba.

"Dalam sebuah bangunan dianggarkan terdapat 25 hingga 50 tong alat pemadam api, maka tanpa sistem



SISTEM Pengurusan Alat Pemadam Api memudahkan pemilik bangunan atau penyalah membuat penyelenggaraan alat tersebut mengikut tarikh yang ditetapkan.

sebegini ia tidak dapat diuruskan dengan baik dan akan terlepas tarikh penyelenggaraan.

## Penting

"Harus diingat, tarikh penyelenggaraan bagi alat pemadam api itu ialah setahun sekali dan tarikh luput tong pula ialah 10 tahun," katanya ketika ditemui *Infiniti* di Ibu Pejabat Aito Firework, Seksyen U16, Shah Alam, Selangor baru-baru ini.

Aswan yang pernah berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selama tujuh tahun memberitahu, penyelenggaraan setiap tong alat pemadam api itu penting bagi memastikan serbuk kering tidak keras dan tekanan udara berada dalam keadaan baik untuk memberi tekanan

kepada serbuk tersebut ketika hendak disembur pada kawasan kebakaran.

"Kesedaran orang ramai terhadap alat pemadam api masih rendah sedangkan kebakaran banyak berlaku pada waktu malam dan ia masa kritikal untuk mendapatkan bantuan.

"Oleh itu, pihak kami giat memberi kefahaman kepada orang ramai mengenai kepentingan alat pemadam api dan cara penggunaannya," tutur anak kelahiran Johor Bahru, Johor itu.

Sejak diperkenalkan tahun lalu, FEMS telah digunakan oleh 21 organisasi antaranya Petronas, Tenaga Nasional Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Bank Simpanan Nasional.

Aito Firework yang ditubuhkan empat lalu merupakan syarikat penyalah perkhidmatan berkaitan alatan pemadam api dan pembangunan

sistem keselamatan kebakaran.

Antara perkhidmatan yang disediakan oleh Aito Firework ialah menjual alat pemadam api, membangunkan sistem pencegahan kebakaran, penyelenggaraan alat pemadam api dan memberi perundingan keselamatan kebakaran.

## Sistematis

Sehubungan itu, hasil pengalaman berurusan dengan pelanggan sebagai pelanggannya, maka syarikat tersebut menyediakan sistem FEMS untuk memudahkan penyalah menyemak alat pemadam api di setiap lokasi dengan cepat dan sistematis.

Sementara itu, salah seorang penyelidik yang membangunkan FEMS, Khairul Nizar Kamarudin berkata, pihaknya mengambil masa selama setahun untuk menyiapkan sistem tersebut.

"Saya membangunkan sistem ini bersama dua orang lagi penyelidik yang pakar dalam bidang teknologi maklumat.

"Kami cuba mencari penyelesaian untuk merekod alat pemadam api dengan cara sistematis kerana kaedah manual memerlukan masa yang lama dan tidak praktikal," terangnya yang juga merupakan Pengarah Urusan Aito Firework.

Menariknya, menggunakan sistem FEMS, penyalah bangunan akan menerima peringatan tarikh luput dan tarikh penyelenggaraan alat pemadam api menerusi khidmat pesanan ringkas dan e-mel.

Mengulas lanjut mengenai ciri-ciri yang terdapat dalam FEMS, Khairul Nizar memberitahu, ia mampu mengemukakan laporan seperti lokasi alat pemadam api, tarikh luput, jenis kerosakan, jenama pekilang dan orang yang menyelia.

Di samping itu, ia juga mampu mengemas kini jadual penyelenggaraan secara sistematis.

Beberapa negara seperti Emiriyah Arab Bersatu, Kanada dan Myanmar telah tertarik untuk menggunakan sistem tersebut dan kini dalam proses perbincangan dengan Aito Firework.



ASWAN



KHAIRUL NIZAR

AITO Firework merupakan syarikat penyalah perkhidmatan berkaitan alatan pemadam api dan pembangunan sistem keselamatan kebakaran.



**INFO Aito Firework**  
Alamat: No. 27-27-1, Jalan Neutron Q U16/Q, Seksyen U16, Dengai Alam, Shah Alam, Selangor  
Telefon: 03-7831 4791  
Laman web: www.aito.com.my  
Instagram: AITO Firework  
Twitter: AITO Firework



ASWAN (tengah) memberi penerangan kepada kakitangannya mengenai produk-produk keselamatan kebakaran yang dikeluarkan oleh syarikat itu.